



KENYATAAN MEDIA JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)

MAJLIS PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN 2.2 JUTA MASA BEKERJA TANPA LTI DI STESEN MINYAK PETRON

Kuala Lumpur, 23 April – Ir. Hj. Omar bin Mat Piah, Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah merasmikan Majlis Pengiktirafan Pencapaian 2.2 Juta Masa Bekerja Tanpa LTI di Stesen Minyak PETRON di Hotel Ritz Carlton, Kuala Lumpur. Ianya merupakan anjuran bersama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan PETRON Malaysia.

Objektif utama pengajian program ini adalah untuk memberi bertujuan untuk mengiktiraf dan meraikan usaha pengusaha stesen minyak PETRON yang cemerlang dalam aspek pengurusan Keselamatan dan kesihatan di tempat masing-masing. Selain itu, ianya dapat mewujudkan kesedaran kepada pelbagai pihak tentang kepentingan mematuhi perundungan dan prosedur yang telah ditetapkan demi keselamatan pekerja dan pengguna semasa yang berada di stesen-stesen minyak.

Dalam perkembangan yang lain, beliau memaklumkan hasil semakan terhadap rekod JKKP terdapat sebanyak 3,381 buah stesen minyak di Negara kita dan 18 peratus atau 616 buah stesen minyak berkenaan adalah milik PETRON Malaysia. Selain itu, sehingga Februari 2018 sebanyak 580 stesen minyak milik PETRON telah diaudit oleh pihak JKKP.

Pada majlis berkenaan, seramai 12 pengusaha stesen minyak PETRON menerima Sijil Penghargaan bagi mengiktiraf stesen minyak PETRON yang telah mencapai 2.2 juta masa bekerja tanpa LTI.

Majlis perasmian turut dihadiri oleh Ketua Dagangan Runcit PETRON Malaysia, Pn.Faridah Ali, Pengarah Bahagian Keselamatan Petroleum JKKP, Ir. Hj Dasuki Mohd Heak, pengurusan JKKP dan PETRON Malaysia dan wakil pengusaha stesen minyak PETRON.

###

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat,
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
23 April 2018**